



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (04 NOVEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di Daerah Kuching (8) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 936 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu**

##### **I. Daerah Kuching (8 kes baharu).**

##### **a) Kes Saringan Pelawat yang Baru Balik Dari Semenanjung Malaysia (1 Kes Import-B)**

Kes Ke-928 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang baru balik dari Negeri Sembilan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2) pada 1 November 2020. Setibanya kes ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel bagi menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Kes telah menjalani saringan ujian rT-PCR COVID-19 pada 2 November 2020 dan didapati positif pada 3 November 2020.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak rapat kes ini sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di Negeri Sembilan.

**b) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Greenhill (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-930 ini merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah telah menjalani saringan sendiri di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 2 November 2020.

Kes telah menjalani saringan rT-PCR COVID-19 kerana mempunyai pergerakan ke sebuah premis yang pernah dilawati oleh kes-kes di dalam Kluster Greenhill.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini juga tidak mempunyai sejarah melawat ke luar negara atau kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara. Kes ini masih dalam siasatan dan sehingga punca jangkitan diketahui, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

**c) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Wisma Saberkas (5 Kes Baharu)**

Kes Ke-929 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri COVID-19 di sebuah hospital swasta pada 3 November 2020 kerana mempunyai pergerakan ke premis-premis di Wisma Saberkas. Keputusan ujian saringan rT-PCR mendapati kes positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes Ke-932 dan 933 merupakan dua orang rakan; warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri di sebuah makmal swasta pada 02 November 2020. Kedua-dua kes ini menjalani saringan sendiri kerana mempunyai sejarah pergerakan melawat premis-premis di bangunan Wisma Saberkas. Kedua-dua remaja berumur 18 dan 21 tahun ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes Ke-934 dan 935 merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 melalui pengesanan kes secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 2 November 2020 di bangunan Wisma Saberkas. Kedua-dua kes ini adalah pekerja di bangunan Wisma Saberkas. Kedua-dua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kesemua kes yang telah dikesan melibatkan Kluster Wisma Saberkas ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

**d) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-936 ini merupakan seorang lelaki yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan kerana mempunyai kontak rapat kepada seorang kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-900.

Kes ini telah mengalami demam dan batuk sejak 19 Oktober 2020 tetapi telah sembuh dua (2) hari kemudian. Kes ini juga tidak mempunyai sejarah melawat ke luar negara atau kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara.

Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

## **II. Daerah Miri (1 Kes Baharu)**

### **a) Kes Saringan Individu Bergejala (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-931 ini merupakan seorang wanita warganegara Vietnam yang telah berada di Miri, Sarawak sejak lapan (8) bulan yang lepas. Kes telah mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Miri pada 2 November 2020 kerana mengalami batuk dan demam sejak 30 Oktober 2020.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 di hospital yang sama dan keputusan ujian rT-PCR kes ini didapati positif pada 3 November 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan balik ke negara asal atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan.

### **B. Kluster COVID-19 Yang masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

**i) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.**

Hari ini, terdapat lima (5) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai enam belas (16) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 619 individu telah disaring, iaitu:

- 16 kes dikesan positif COVID-19;
- 593 individu negatif; dan
- 10 individu yang masih menunggu keputusan.

**ii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.**

Terdapat penambahan satu (1) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 63 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 730 individu telah disaring, iaitu:

- 63 kes dikesan positif COVID-19;
- 662 individu negatif dan
- 5 individu masih menunggu keputusan

**iii) Kluster Baki di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks. Ini tidak termasuk 10 kes yang telah dikesan dan dilaporkan di Perak melibatkan kluster ini.

Sejumlah 2,943 individu telah disaring, iaitu:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 2,913 individu negatif

**iv) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

**v) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

**vi) Kluster Seladah di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

### **C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **empat belas (14)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes ini didiscaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **777** orang atau **83.01%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **140** orang iaitu:

- 112 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 23 kes di Hospital Miri;
- Tiga (3) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.03%**.

Hari ini **14 PUI** baru telah dilaporkan dan **lima (5)** PUI masih menunggu keputusan ujian makmal.



#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 117 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **27 kompaun** di Daerah Kuching (23), Miri (2), Sarikei (1) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **125 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (39), MPP (22), SMC (18), MD Marudi (14), SRDC (13), BDA (9), MBKS (5), MD Serian (2), MB Miri (2) dan MD Sarikei (1).

#### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,488 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (191), Restoran (319), Kilang (10), Bank (132), Pejabat Kerajaan (36), Penjaja (34), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (72), Tempat Riadah (47), Tapak Pembinaan (25) dan lain-lain (545).

Seramai **518 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (243), ATM (32), RELA (124), APM (79), PBT (33), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,153** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**04 NOVEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	927	Kes sedang dirawat di hospital	140	14.96%
Kes Baharu	9	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	150,244	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	936	Jumlah kes kematian	19	2.03%
IR per 100,000 penduduk	30.34	Kes telah sembuh dan discaj	777	83.01%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	8	9,282	14	10,223
Menunggu keputusan	2	5		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	112	2	3	23	0	140
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	14	0	0	0	14
	Kumulatif	647	39	46	43	777
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

<b>DAERAH MERAH (1)</b>												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	11	6,768	8	599	14	482	0	12	105	132	117
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>	<b>6,768</b>	<b>8</b>	<b>599</b>	<b>14</b>	<b>482</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>105</b>	<b>132</b>	<b>117</b>

<b>DAERAH KUNING (3)</b>												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	261	0	7	0	3	0	0	4	4	4
2	Miri	1	904	1	51	0	30	0	1	20	20	11
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>1,198</b>	<b>1</b>	<b>69</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>16</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	576	0	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	2	318	0	49	0	46	0	0	3	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	121	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	24	0	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>2,257</b>	<b>0</b>	<b>268</b>	<b>0</b>	<b>253</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>14</b>	<b>10,223</b>	<b>9</b>	<b>936</b>	<b>14</b>	<b>777</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>140</b>	<b>167</b>	<b>133</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **107 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,265 orang**. Manakala seramai **29,480 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 04.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,357)	Hock Lee	112
2		Kuching Park	127
3		Hilton	262
4		Harbour View	263
5		Riverside (Astana Wing)	233
6		Tune Hotel	68
7		Dormani Hotel	50
8		Grand Continental	178
9		Meritin	64
10	Miri (531)	Mega Hotel	86
11		Imperial Palace	140
12		Eastwood Valley	55
13		Meritz	82
14		Miri	34
15		Dynasty	101
16		Citi Hotel	33
17	Bintulu (112)	Wasan Inn	17
18		Kidurong Inn	31
19		Motel Kapok	45
20		Faber Inn	19
21	Limbang (166)	Purnama	71
22		Seri Malaysia (Lawas)	77
23		Shangshan (Lawas)	0
24		Mandarin (Lawas)	18
25	Sibu (99)	Premier	99
<b>Jumlah PUS</b>			<b>2,265</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (2), Samarahan (2), Sarikei (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,912 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 04.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>627</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>360</b>
3	Sibu	TIADA	188
<b>4</b>	<b>Samarahan</b>	<b>2</b>	<b>128</b>
5	Bintulu	TIADA	121
<b>6</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>118</b>
7	Limbang	TIADA	87
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,912</b>

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **54 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 04.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	8
4	MP Sibu	9
5	BDA	2
6	MCC	15
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	3
9	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>54</b>